



UTAMA BERITA ▾ VIDEO PODCAST ALBUM MAGAZINE EVENT



⚡ BERITA: Tiga Identiti Digariskan Menuju Era Baharu Terengganu



Utama Ekonomi

KUALA TERENGGANU, 26 November- Anak syarikat kerajaan negeri, TDM Berhad menerima Anugerah Bintang Meningkat Kelestarian (Sustainability Rising Star Award) di Anugerah Kecemerlangan dan Kelestarian Korporat Asia (ACES) 2023, pada Jumaat.

Menurut Pengarah Eksekutif TDM, Najman Kamaruddin, pengiktirafan tersebut merupakan bukti komitmen TDM dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs) dalam pelaksanaan pembangunan serta kelestarian yang juga menjadi sebahagian usaha menyokong serta menyumbang kepada inisiatif Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) syarikat.

"Anugerah ini adalah sebuah kejayaan yang begitu bermakna kerana kami sangat memandang serius soal kelestarian syarikat dalam usaha ke arah masa depan yang lebih lestari dan berdaya tahan.

"Usaha dan komitmen terhadap kemampuan ini merupakan usahasama ramai pihak yang dikeluarkan kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Kelestarian (SCoM) dan Kumpulan Kerja Kelestarian (SWG) bagi memastikan aspek kelestarian sentiasa dititikberatkan serta dapat disepakukan ke dalam pertumbuhan jangka panjang syarikat," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan kepada pemberita, hari ini.




Dalam majlis yang berlangsung di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur itu, TDM diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Medic Iman Sdn. Bhd. (KMI Healthcare); Dr. Rayney Azmi Ali dan Ketua Pemantauan Prestasi Pelaburan TDM; Hasnol Zariman Mohd Hashim.

Sebagai rekod, antara pencapaian TDM yang membanggakan pada tahun 2023 sekaligus menyumbang kepada kejayaan memperoleh pengiktirafan ACES 2023 adalah melalui pelancaran serta perasmian dua loji biogas yang inovatif di Sungai Tong dan Kemaman, Terengganu.

Selain itu, komitmen TDM juga dapat dilihat melalui inisiatif peralihan lampu kalimantan kepada lampu diod pemancar cahaya (LED) cekap tenaga di pejabat-pejabat korporat sehingga berjaya mencapai pengurangan 16.6% dalam pelepasan gas rumah hijau bersih pada tahun 2022.

Tag:



## Don't miss out on the Latest News

We won't spam you and we respect your privacy.

Your Email

SUBSCRIBE

## TRDI on Youtube

Subscribe to our Youtube channel for all latest in-depth, on the ground reporting from around the world.

SUBSCRIBE

## TRDI on Facebook

LIKE



FOLLOW



FOLLOW

Copyright © 2020 TRDI  
Powered by Mysoftcare

TRDI

Youtube  
Facebook UPDI  
Instagram TVDI

KORPORAT

Hubungi Kami

APLIKASI TRDI NEWS



DASAR KESELAMATAN

Syarat dan Penafian  
Polisi dan Peribadi  
Polisi Cookie